

1. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Berita perkahwinan selebriti yang terkenal itu sudah tersebar ke seloroh negara.

	Kesalahan	Pembetulan
A	perkahwinan	perkahwenan
B	selebriti	seleberiti
C	seloroh	seluruh
D	negara	negera

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Puan Mariam gemar mengkait baju pada masa lapang dan beliau mempunyai koleksi pakaian yang dikaitnya di dalam almari.

	Kesalahan	Pembetulan
A	mengkait	mengait
B	masa	massa
C	koleksi	koliksi
D	almari	alemari

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Saya sanggup menempoh pelbagai cabaran dan ujian demi kebahagiaan yang berpanjangan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sanggup	sanggop
B	menempoh	menempuh
C	cabaran	cabarran
D	kebahagiaan	kebahgiaan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

4. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Kuan Ling dapat memasuki kelab bola sepak yang ternama itu melalui agen yang bertanggungjawab untuk mengetengahkan bakatnya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	bola sepak	bolasepak
B	ternama	bernama
C	agen	ejen
D	mengetengahkan	mengenengahkan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Mereka tidak akan berputus asa walaupun terpaksa menempuh pelbagai cabaran dalam ekspidisi mendaki gunung yang tertinggi di Malaysia.

	Kesalahan	Pembetulan
A	berputus asa	berputusasa
B	menempuh	menempoh
C	pelbagai	perbagai
D	ekspidisi	ekspedisi

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Sudah hampir tiga tahun abang menamatkan pengajiannya di universiti namun sehingga kini dia belum mendapat pekerjaan yang cucuk dengan kelulusannya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	hampir	hamper
B	menamatkan	mentamatkan
C	universiti	university
D	cucuk	cocok

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Beberapa hari sebelum bercuti ke luar negara, Sofia berkelakuan anih dan bersikap kurang mesra daripada kebiasaannya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	luar negara	luarnegara
B	berkelakuan	berkalakuan
C	anih	aneh
D	kebiasaannya	kebiasannya

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

8. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Keris ialah sejenis senjata warisan masyarakat Melayu yang tajam dan mempunyai bilah yang lurus serta berkelok-kelok.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Keris	Kris
B	masyarakat	masharakat
C	bilah	belah
D	berkelok-kelok	berkeluk-keluk


- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Syarikat perumahan itu akan membina beberapa blok rumah pangsa di kawasan ini dalam tempoh sebulan lagi.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Syarikat	Sarikat
B	membina	membena
C	belok	blok
D	tempoh	tempuh

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D



10. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Umar pasrah dan redha atas kehilangan kawan baiknya yang terbabit dalam kemalangan di jalan raya awal pagi semalam.

	Kesalahan	Pembetulan
A	redha	reda
B	terbabit	terbabet
C	jalan raya	jalanraya
D	semalam	samalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Langkah menggantikan helikopter Nuri bukan sahaja dapat meningkatkan tahap keselamatan tetapi juga dapat memantapkan keupayaan logistik dan pertahanan udara negara.

	Kesalahan	Pembetulan
A	menggantikan	mengantikan
B	meningkatkan	mentingkatkan
C	memantapkan	memantabkan
D	logistik	logistik

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

12. Dalam petikan dialog di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Syamil: Dewasa ini, masyarakat kita lebih mempercayai maklumat yang disebarkan melalui media social seperti Whatsapp, Facebook, dan twitter. Mereka percaya bahawa maklumat tersebut benar dan sahih.

Kamal: Memang benar kata-kata kamu. Sebelum kemunculan teknologi dijital yang menawarkan akses maklumat tanpa sempadan ini, media cetak dan media elektronik yang dikenal sebagai media arus perdana merupakan sumber maklumat utama kepada kita. Sebagai penyedia maklumat, surat khabar, radio, dan televisyen dikatakan sebagai berintegriti dan jujur.

Syamil: Ya, namun begitu, penyebaran maklumat tanpa sempadan sekarang ini dilihat sangat membimbangkan. Pihak berkuasa harus mengawal situasi ini agar tidak menjadi bazar kepada masyarakat pada hari kemudian.

	Kesalahan	Pembetulan
I	social	sosial
II	dijital	digital
III	surat khabar	suratkhabar
IV	berintegriti	berintegriti

- ☐ A I, II, dan III
- ☐ B I, II, dan IV
- ☐ C I, III, dan IV
- ☐ D II, III, dan IV

13. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Divya terkejut apabila bahunya ditepok oleh Najihah dari belakang.

	Kesalahan	Pembetulan
A	terkejut	terkejot
B	apabila	apapila
C	ditepok	ditepuk
D	belakang	balakang

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

14. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Rizman berasa kuatir kerana adiknya belum pulang ke rumah setelah pergi ke perpustakaan pagi tadi.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kuatir	khuatir
B	belum	belom
C	pergi	pegi
D	perpustakaan	perpustakan

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

15. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Sebagai warga negara Malaysia yang bertanggungjawab, kita hendaklah menjaga kebersihan negara kita daripada dicemari sampah sarap.

	Kesalahan	Pembetulan
A	warga negara	warganegara
B	bertanggungjawab	bertanggung jawab
C	dicemari	di cemari
D	sampah sarap	sampah-sarap

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

16. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Ibu bapa perlu memberikan galakkan kepada anak-anak mereka yang berminat dalam bidang sukan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Ibu bapa	Ibubapa
B	galakkan	galakan
C	mereka	mereke
D	berminat	beminat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Cuaca lembab sepanjang hari menyebabkan pakaian di jemuran tidak kering walaupun disidai dari pagi tadi.

	Kesalahan	Pembetulan
A	lembab	lembap
B	jemuran	jemoran
C	kering	gering
D	disidai	di sidai

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Dalam petikan dialog di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kamil: Yusrina, apakah yang dimaksudkan dengan teknologi hijau? Saban hari, saya mendengar tentang perkara tersebut tetapi saya tidak mengetahui maksudnya.

Yusrina: Oh, maksud teknologi hijau ya! Kalau kamu hendak tahu, teknologi hijau bermaksud teknologi yang mesra alam. Teknologi ini merujuk pembangunan dan applikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi. Pelaksanaan teknologi hijau di negara ini sangat penting. Oleh yang demikian, Perdana Menteri telah mewujudkan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air. Dengan demikian, masalah alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi dapat diatasi.

Kamil: Oh, begitu! Oleh sebab itulah banyak produk yang membabitkan teknologi hijau dibangunkan seperti kereta solar, projek transit laju masa (MRT), dan banyak lagi. Semua projek itu dibangunkan untuk menjaga alam sekitar daripada tercemar.

	Kesalahan	Pembetulan
I	applikasi	aplikasi
II	semulajadi	semula jadi
III	kereta solar	keretasolar
IV	masa	massa

- ☐ A I, II, dan III
☐ B I, II, dan IV
☐ C I, III, dan IV
☐ D II, III, dan IV

19. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Murid bestari yang memiliki image yang bersih telah dipilih sebagai pengawas sekolah pada tahun ini.

	Kesalahan	Pembetulan
A	bestari	bistari
B	image	imej
C	bersih	berseh
D	pengawas	penggawas

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Tindakan tentera Israel melancarkan serangan terhadap penduduk Palestin melanggar undang-undang antara bangsa.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Israel	Israil
B	penduduk	pendudok
C	Palestin	Palesten
D	antara bangsa	antarabangsa

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D